

PM rasmi program edisi ke-20 hari ini

> Acara unit amanah tahunan PNB bermula kelmarin, berakhir Khamis

> Sungai Petani

Acara penting Permodalan Nasional Bhd (PNB), Minggu Saham Amanah Malaysia (MSAM), yang memasuki edisi ke-20 tahun ini, akan dilancarkan secara rasminya oleh Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Acara itu yang diadakan di Amanjaya Mall di sini, bermula kelmarin dan akan berakhir Khamis ini.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB, Datuk Abdul Rahman Ahmad, berkata MSAM adalah acara unit amanah tahunan PNB yang penting, bermatlamat meningkatkan kesedaran rakyat Malaysia mengenai aspek pelaburan kewangan dan me-



MSAM 2019 diadakan dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah dan lokasi Sungai Petani dicadangkan Dr Mahathir"

Abdul Rahman Ahmad,
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PNB

narik kira-kira 3.8 juta pengunjung sejak mula diadakan pada 2000.

Beliau berkata MSAM bergerak dari negeri ke negeri dan pada tahun kebelakangan ini diadakan di bandar sekunder, selepas meliputi semua ibu negeri.

Tahun lepas diadakan di Batu Pahat, Johor dan menarik lebih 216,800 pelawat dari negeri itu dan kawasan berjiran.

Abdul Rahman berkata, MSAM 2019 diadakan dengan kerjasama kerajaan negeri Kedah dan lokasi Sungai Petani dicadangkan oleh Dr Mahathir, serta menyasarkan untuk menarik 150,000 pengunjung.

Acara tahun ini juga menyediakan pelbagai platform dan aktiviti bagi pelawat untuk meneroka dan memahami perjalanan pelaburan mereka.

Katanya, pameran juga akan diadakan semua syarikat strategik PNB, dengan orang ramai dapat melihat kekuatan syarikat yang mereka melabur, melalui pegangan unit amanah mereka dengan Amanah Saham Nasional Bhd.

"Kami berharap melalui usaha ini, pemegang unit dan masyarakat pada umumnya, akan mendapat keseda-

ran lebih baik mengenai hubungan antara risiko dan pulangan," katanya.

Bersempena tahun ke-20 MSAM yang juga sebahagian daripada inisiatif tanggungjawab sosial korporat PNB, logo baharu diperkenalkan.

Abdul Rahman berkata, logo baharu mencerminkan kerjasama rapat antara kerajaan, pemegang unit dan PNB, bersama-sama dengan syarikat pelaburannya.

Rakan korporat PNB untuk MSAM 2019 ialah Malayan Banking Bhd, Sime Darby Plantation Bhd, S P Setia Bhd dan UMW Holdings Bhd yang berada dalam kategori Rakan Premier.

Sime Darby Bhd, Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd, MNRB Holdings Bhd, Takaful Ikhlas Bhd, MIDF Bhd, Sime Darby Property Bhd, Perodua dan Heitech Padu Bhd adalah rakan kongsi Rakan Utama, manakala Duopharma Biotech Bhd, Velesto Energy Bhd dan CCM Bhd adalah rakan kongsi Rakan.

Abdul Rahman berkata, acara selama seminggu itu dipenuhi dengan pelbagai program dan aktiviti sesuai untuk semua peringkat umur seperti Cabaran Pengurusan Kewangan AS-

NB, Jejak Pelabur Bijak Maybank dan Jejak Pelabur Cilik S P Setia.

MSAM 2019 juga menawarkan pelbagai hadiah menarik kepada pengunjung, termasuk Perodua Aruz, motosikal Honda Dash dan iPhone ketika majlis perasmian.

Sementara itu, mereka yang menyertai pertandingan 'e-Peraduan' berpeluang memenangi, antara lain Ford Ranger 2.2L XLT, Toyota Vios 1.56 dan motosikal Yamaha R25.

Cabutan khas oleh pempamer, antaranya, Cabutan Rezeki IKHLAS Khas oleh Takaful IKHLAS juga nanti pelawat yang memilih mengambil pelan perlindungan takaful keluarga pada acara itu.

Mereka layak menyertai cabutan khas dengan tiga pemenang untuk harga utama, iaitu produk unit ASNB bernilai RM5,500, RM4,500 dan RM3,500.

Mereka yang mengambil bahagian dalam pelan perlindungan takaful am berpeluang memenangi harga utama perlindungan kemalangan peribadi Takaful Ikhlas dengan tiga penerima, masing-masing akan menerima perlindungan RM500,000, RM300,000 dan RM200,000.

BERNAMA